

06 JUN 1997

Mahathir-buggy

POEM KELUAKAN BUGGY GOLF KUASA ELEKTRIK

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 6 Jun (Bernama) -- Para pemain golf Malaysia akan mendapat keselesaan menggunakan kenderaan elektrik mesra-alam sekitar di atas padang menghijau apabila sebuah usahasama Malaysian-British mula mengeluarkan buggy golf kuasa elektrik akhir tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan ini di sini Rabu selepas menguji kenderaan prototaip itu dan motosikal di kawasan pusat penyelidikan kejuruteraan di Farnborough, kira-kira 32 batu dari sini.

Sebuah syarikat, POEM (Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia) telah ditubuhkan antara firma penyelidikan, Fraser-Nash, dan tiga pelabur Malaysia

-- Tenaga Nasional Berhad (TNB), Composite Automative Research (CAR), Musteq Industries, dan Tan Sri Basir Ismail.

Pemegang ekuiti terbesar ialah TNB dan F-N masing-masing 40 dan 30 peratus. CAR, syarikat kepunyaan bekas pengurus besar Proton Datuk Nazmi Salleh, dan Musteq Industries masing-masing memegang lima peratus dan akan terlobat dalam pengeluaran badan untuk POEM.

Kilang pengeluaran sementara POEM ialah sebuah bangunan yang disewa di kampus universiti TNB di Bangi.

Dr Mahathir yang sedang cuti selama dua bulan meluangkan masa melawat ibu pejabat Frazer-Nash dan merasmikan plak setibanya di sini sempena pemindahan syarikat itu ke Mychett House, sebuah bangunan bersejarah dalam kawasan seluas 11.5 ekar itu.

Pada lawatan itu beliau juga mengadakan telesidang video dari Myshett House dengan timbalannya, sekarang Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur dan beberapa orang anggota kabinetnya yang sedang menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

-- BERNAMA

WAN WAT